



**JUHAR dan Norlidah pada Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Universiti Malaysia Sabah.**

## **Rumah Terbuka Hari Raya UMS wujud semangat kekeluargaan**

UB 30.8.2013 B2

**KOTAKINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri di Kompleks Dewan Kuliah Pusat Ke-2, pada Rabu lepas.

Pendaftar UMS, Lt Kol (K) Datuk Abdullah Hj Mohd Said berkata majlis tahunan itu diadakan untuk memberi peluang kepada semua warga UMS merapatkan hubungan silaturahim dan mewujudkan semangat kekeluargaan bagi mengukuhkan perpaduan sesama mereka.

Majlis yang bermula jam 10 pagi itu diserikan dengan pertandingan gerai aneka juadah terbaik yang bertujuan untuk menggalakkan penyertaan warga UMS sambil menghayati hubungan

persaudaraan di antara mereka yang terdiri daripada berbilang kaum dan agama.

Johan bagi pertandingan itu dimenangi oleh Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial dan menerima wang tunai RM1,500 berserta sijil, tempat kedua Sekolah Pengajian Seni (RM1,000 serta sijil) dan tempat ketiga Institut Biologi Tropika Pemuliharaan (RM500 serta sijil).

Pertandingan itu disertai 31 jabatan, sekolah, pusat dan institut termasuk Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita UMS.

Turut hadir, Yang Dipertua Negeri merangkap Canselor UMS, Tun Juhar Mahiruddin bersama Toh Puan Norlidah RM Jasni.



**SEKOLAH Psikologi dan Kerja Sosial juara gerai terbaik.**